

CNS6482

U GB 19-07 00154 BH596

AAB

Mahathir - Israel

MALAYSIA MASIH PUNYAI BANYAK PELUANG DAGANGAN TANPA ISRAEL

PULAU PINANG, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia masih mempunyai banyak peluang dagangan di seluruh dunia walaupun mungkin kerugian kerana tidak mempunyai hubungan dagangan dengan Israel, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, jika Malaysia bersungguh-sungguh dalam perdagangan dengan seluruh dunia, Malaysia akan berjaya walaupun tidak berdagang dengan Israel.

"Walaupun ia mungkin merugikan tetapi sekiranya kita bersungguh-sungguh dalam perdagangan dengan seluruh dunia, kita akan berjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), di sini, hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, jika akhirnya hubungan diadakan juga dengan Israel, Malaysia mempunyai aset tertentu yang bernilai kepada Israel ...kemahiran tertentu, aktiviti tertentu yang diinginkan Israel.

Beliau berkata demikian semasa ditanya sama ada Malaysia tidak kerugian kerana tiada hubungan dagangan dengan Israel berbanding negara lain di rantau ini. -- Lagi.

▼19/07/21-59MST

U GB 19-07 00156 BH597

AAB

Mahathir - Israel 2 (Akhir) Pulau Pinang

Mengenai Putera Norodom Chakrapong dari Kemboja yang kini berada di Malaysia, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu beliau meninggalkan negara ini secepat mungkin.

Kerajaan Kemboja telah memaklumkan kepada Malaysia agar Putera Chakrapong meninggalkan negara ini sebelum lawatan Perdana Menteri, Putera Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri Kedua, Hun Sen ke Malaysia tidak lama lagi.

Semasa ditanya sama ada Chakrapong ada berhubung dengan beliau, Dr Mahathir berkata: "Bukan terus dengan saya tetapi dengan Kementerian Dalam Negeri adalah."

Yang turut serta pada majlis perasmian itu ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Malam ini, Dr Mahathir diraikan pada jamuan malam negeri anjuran Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir di Hotel Equatorial di sini sempena mesyuarat kabinet, di sini esok. -- Bernama.

ANR KHY KAM.

▼19/07/22-01MST